

BAB III

RIWAYAT HIDUP SHAYKH ALI HASAN AHMAD HASIBUAN AL-DĀRĪ

3.1. Pendahuluan

Dalam sesebuah penelitian yang berkaitan dengan sumbangan seorang tokoh, menulis sejarah hidupnya, adalah bahagian yang sangat penting. Dari sana akan didapati maklumat-maklumat yang berkaitan rapat dengan isi penelitian tersebut. Ini menjadi penting kerana tidak dapat dinafikan bahawa situasi kehidupan dan persekitaran adalah faktor yang sangat berpengaruh pada kehidupan seorang ulama. Justeru penulisan sejarah hidup ini menjadi pintu masuk bagi mengetahui asal-usul dan latar belakang seorang tokoh berkenaan.

Oleh itu, pada bab ini penulis akan berusaha menghuraikan sejarah hidup Shaykh Ali Hasan Ahmad al-Dārī (SAHAA), yang mencakupi: asal-usul keturunan; kelahiran; kehidupan masa kanak-kanak; pendidikan; serta para guru dan muridnya. Seterusnya akan didedahkan juga perjuangan beliau semasa hidup, karya-karya, dan kewafatannya. Peranannya di masyarakat, sumbangan pemikiran, dan gerakan pembaharuan yang pernah diperjuangkan Shaykh Ali Hasan selama hidupnya juga akan mendapat perhatian yang sewajarnya.

3.2. Silsilah Keturunan

Ayahnya bernama Thahalim¹ alias Tuan Shaykh Ahmad Zein bin Siak Mudo Hasibuan. Siak Mudo Hasibuan dilahirkan di suatu kampung bernama Tanjung Siraisan, sekitar 16 kilometer jaraknya dari Sibuhuan, ibukota kecamatan Barumun². Pada masa mudanya, beliau suka mengembara mencari pengalaman. Pengembaraan ini berakhir di suatu kampung yang bernama Pintu Padang Julu, kecamatan Siabu³, yaitu sekitar 1 kilometer dari jalan besar provinsi Sumatera Utara melalui suatu kampung yang bernama Sinonoan, sebelah kiri dari kota Padang Sidempuan⁴ ke Panyabungan sekarang.⁵

¹ Nama kecilnya adalah Thahalim. Lahir di Pintu Padang Julu, Panyabungan pada tahun 1846. Perjalanan ilmiahnya diawali dengan merantau ke Tanjung Balai dan berguru kepada seorang ulama. Dalam usia 23 tahun tepatnya tahun 1869, beliau berangkat ke Tanah Suci dengan menumpang kapal layar. Dua belas tahun lamanya di Makkah, beliau mendalami ilmu pada ulama-ulama besar disana. Tercatatlah diantara guru-guru beliau yaitu Shaykh Abdul Kadir Sabir al-Mandili dan Shaykh Abdul Jabbar yang juga berasal dari Panyabungan. Beliau juga lama belajar kepada Shaykh Abu Bakar Tambusai, Shaykh Mukhtar Bogor, Shaykh Umar Sumbawa dan ulama lainnya. Lihat Salmawati Hasibuan dan H. Mahfuz Budi Hasibuan *Syeikh Ali Hasan Ahmad: Sebuah Biografi Kecil* (Padang Sidempuan: Majelis Ulama Daerah Tingkat-II Tap. Selatan, 1985), 50-51. Bandingkan dengan Shaykh Ali Hasan Ahmad Al-Dary, "Riwayat hidup Tuan Syeikh Ahmad Zein (1846-1950)," dalam Majelis Ulama Sumatera Utara, *Sejarah Ulama-ulama Terkemuka di Sumatera Utara*, Medan: IAIN Sumatera Utara, 1983), 61-65.

² Barumun adalah nama kecamatan di daerah kabupaten Tapanuli Selatan dan Sibuhuan menjadi ibukotanya (pusat pentadbiran). Setelah pemekaran (pembahagian daerah baru), kecamatan ini menjadi bahagian dari daerah Kabupaten Padang Lawas Selatan. Kabupaten Tapanuli Selatan awalnya (sebelum pemekaran) adalah kabupaten yang amat besar dan pusat pentadbirannya di Padang Sidempuan. Daerah-daerah yang telah berpisah dari Kabupaten Tapanuli Selatan adalah Mandailing Natal, Kota Padang Sidempuan, Padang Lawas Utara dan Padang Lawas Selatan. Setelah pemekaran, ibukota kabupaten ini pindah ke Sipirok. Lihat Wikipedia, "Kabupaten Tapanuli Selatan," dicapai pada 24 Oktober 2011, http://id.wikipedia.org/wiki/Kabupaten_Tapanuli_Selatan#Pemekaran.

³ Siabu adalah kecamatan dari Kabupaten Mandailing Natal. Kabupaten yang juga disebut MADINA ini terdapat di Sumatera Utara. Kabupaten ini berbatasan dengan Provinsi Sumatera Barat di sebelah Timur dan Selatan. Sebelum Mandailing Natal menjadi sebuah kabupaten, wilayah ini masih termasuk Kabupaten Tapanuli Selatan. Setelah terjadi pemekaran, dibentuklah Kabupaten Mandailing Natal berdasarkan undang-undang Nomor 12 tahun 1998, secara formal diresmikan oleh Menteri Dalam Negeri pada tanggal 9 Maret 1999. Lihat Wikipedia, "Kabupaten Mandailing Natal, dicapai pada 21 haribulan Jun 2011, http://id.wikipedia.org/wiki/Kabupaten_Mandailing_Natal.

⁴ Kota Padang Sidempuan adalah sebuah bandar di Provinsi Sumatera Utara, Indonesia. Kota Padang Sidempuan terkenal dengan sebutan *kota salak* karena banyaknya kebun salak di sana, terutama pada kawasan di kaki Gunung Lubukraya. Nama kota ini berasal dari "padang na dimpu" (padang=hamparan luas, na=di, dan dimpu=tinggi) yang berarti "hamparan rumput yang luas yang berada di tempat yang tinggi." Pada zaman dahulu daerah ini adalah tempat persinggahan para pedagang dari pelbagai daerah. Secara geografi, kota Padang Sidempuan secara keseluruhan dikelilingi oleh Kabupaten Tapanuli Selatan yang dulunya adalah kabupaten induknya. Kota ini adalah persimpangan jalur darat untuk menuju kota Medan, Sibolga, dan Padang (Sumatera barat) di jalur lintas barat Sumatera. Lihat Wikipedia, "Kota Padang Sidiempuan," dicapai pada 21 haribulan Jun 2011, http://id.wikipedia.org/wiki/Kota_Padang_Sidempuan.

⁵ Salmawati Hasibuan dan H. Mahfuz Budi Hasibuan, *Syeikh Ali Hasan Ahmad*, 1

Pengembaraan itu berakhir setelah beliau berkahwin dengan seorang anak dara dari sebuah kampung Malintang Jae, Kecamatan Siabu bernama Jamilah Nasution. Perkahwinan ini dikaruniai Allah tiga orang cahaya mata, yang pertama iaitu Shaykh Ahmad Zein. Beliau adalah ayahanda dari Shaykh Ali Hasan Ahmad yang menjadi tajuk dalam kajian ini. Anak kedua bernama Kaddim Hasibuan @ Maharaja Naposo yang hanya dikurniai seorang anak sahaja iaitu Nurloan Hasibuan @ Hajjah Fatimah. Kaddim Hasibuan meninggal dunia dan dimakamkan di Pintu Padang Julu pada tahun 1920an. Anak ketiga adalah Sander Hasibuan @ Malim Barohim yang juga dikurniai seorang puteri. Beliau meninggal dan dimakamkan di kampung Tanjung , Sirasian.⁶

Seperti dijelaskan di atas, Shaykh Ali Hasan adalah anak kandung dari tuan guru Shaykh Ahmad Zein dari isterinya yang kedua. Sebab masa hayatnya, tuan guru Shaykh Ahmad Zein berumah tangga sebanyak tiga kali, iaitu⁷:

1. Siti Ayun Nasution binti Jabadolah Nasution dari kampung Pintu Padang Julu. Perkahwinan ini dikurniakan Allah tiga orang puteri iaitu Salamah Hasibuan, Soridingin Hasibuan dan Fatimah Hasibuan, dan seorang putera yakni K.H. Dr. Zubair Ahmad. Yang terakhir disebutkan ini sangat terkenal sebagai juru dakwah (muballigh) kenamaan di Tapanuli Selatan khasnya dan di Sumatera Utara pada umumnya. Sebelum wafatnya pada tahun 1982, terakhir beliau menjabat sebagai Dekan Fakulti Dakwah Universitas Nahdatul Ulama Sumatera Utara (UNUSU) dan Perwakilan Dewan Dakwah Islam Indonesia (DDII) untuk daerah Tapanuli.
2. Siti Amas Nasution binti Jamompang @ Haji Harun Nasution yang berasal dari kampung Lumban Dolok, Kecamatan Siabu. Dari perkahwinan kedua ini lahir dua orang putera iaitu Ali Hasan Ahmad yang terkenal dengan nama Shaykh Ali Hasan

⁶ *Ibid.*, 1

⁷ *Ibid.*, 2. Lihat juga Majlis Ulama Sumatera Utara, *Sejarah Ulama-ulama Terkemuka di Sumatera Utara*, 64

Ahmad yang akan dihuraikan dalam tulisan ini. Adapun anak yang kedua adalah Jalaluddin Sayuti Hasibuan.

3. Perkahwinan yang ketiga adalah dengan Janifah Nasution dari kampung Pintu Padang Jae Kecamatan Siabu. Dari perkongsian hidup yang terakhir ini pula dikaruniakan Allah sebanyak lapan cahaya mata. Tiga orang anak lelaki iaitu Baharuddin, Kamil dan Ali Husin Ahmad⁸. Sedangkan anak perempuan iaitu Rukimah, Zaleha, Siti Mayur, Saharo dan Maryam.

3.3. Kelahiran Dan Kehidupan Masa Kanak-kanak

Pada huraian sebelumnya di jelaskan bahawa perkahwinan Tuan Guru Shaykh Ahmad Zein dengan isterinya yang kedua Siti Amas Nasution, lahir Shaykh Ali Hasan Ahmad Addārī. Adapun nama penuhnya sehingga ke datuknya adalah Ali Hasan bin Ahmad Zein @ Thahalim bin Siak Mudo Hasibuan. Seterusnya dalam kajian ini akan penulis sebutkan dengan SAHAA atau Shaykh Ali Hasan.

SAHAA dilahirkan pada 9 Februari tahun 1915/24 Rabī' al-Awwal 1333⁹, di Pintu Padang Julu.¹⁰ Masa kanak-kanak, ia hidup dan diasuh bersama kedua ibu bapanya di kampung kelahiran selama empat tahun sahaja. Iaitu tahun 1915 sehingga tahun 1919.¹¹ Dalam usia empat tahun itu, oleh kerana terjadi perceraian antara kedua

⁸ Seperti dituturkan diatas, Ali Husein Ahmad adalah saudara sebapa Shaykh Ali Hasan Ahmad dari Istri Shaykh Ahmad Zein yang ketiga, Janifah Nasution . Lahir pada tahun 1941 (26 tahun lebih muda dari Shaykh Ali Hasan). Dialah satu-satunya saudara Shaykh Ali Hasan yang masih hidup dan menjadi salah serorang nara sumber penulis. Menurut penuturan beliau, ia diberi nama dan diasuh langsung oleh Shaykh Ali Hasan. Setelah dewasa, beliau juga sentiasa bersama Shaykh Ali Hasan, kerana ia mendapat jawatan setiausaha STAIN tempat Shaykh menjadi pensyarah dan dekan. Sampai akhir hayatnya, adiknya ini pula yang bertindak memandikan Shaykh bersama dengan anak kandung Allah yarham, Mahfuz Budi Hasibuan. Ali Husein Ahmad Hasibuan (Saudara sebapa Shaykh Ali Hasan dan setia usaha beliau di STAIN Padang Sidempuan), dalam temu bual di Pejabat STAITA, Jalan Kenanga, Padang Sidempuan, 3 Jun 2011, selepas salat jum'at pukul 14.00-15.00

⁹ Lihat <http://www.islamicity.com/PrayerTimes/defaultHijriConv.asp>

¹⁰ Pada bekas rumah tempat kelahirannya itu, sekarang dibuatkan sebuah batu yang bertuliskan tarikh dan tempat lahirnya.

¹¹ Salmawati Hasibuan dan H. Mahfuz Budi Hasibuan, *Syeikh Ali Hasan Ahmad*, 3. Pada tahun 1963 di tempat kelahirannya ini SAHAA mendirikan madrasah ibtidaiah yang masih berdiri hingga sekarang. Pada saat ini, madrasah tersebut diasuh oleh beberapa orang guru yang masih ada hubungan kerabat

ibu bapanya, SAHAA hanya diasuh oleh ibunya di Lumban Dolok, iaitu kampung kelahiran ibundanya tersebut. Dalam pengasuhan ibu, SAHAA diupayakan untuk mendapatkan pendidikan agama selama di Lumban Dolok yang dimulai dengan pengajian Juzuk ‘Amma.¹²

3.4. Pendidikan Sebelum Ke Makkah

Pertama kali beliau mendapatkan pengajaran dari Lobe Kasim @ Haji Muhammad Kasim dan dilanjutkan pada saudara ibunya Malim Saleh @ Haji Husein. Kemudian SAHAA sempat pula belajar pada Madrasah Islamiyah di dekat Masjid Raya Padang Sidempuan selama lebih kurang tujuh bulan. Seterusnya belajar pada sekolah rakyat (Vervolk School) di Siabu selama lebih kurang satu setengah tahun.¹³

Sebagaimana lazimnya pendidikan masa sebelum merdeka, SAHAA mendapatkan pendidikan yang belum sistematis seperti sekarang. Tapi begitupun keadaannya, SAHAA dengan hati dan jiwa yang keras tetap berusaha menempa diri dan menimba ilmu pengetahuan dari satu guru ke guru yang lain. Ini berjalan sampai tahun 1924, dimana beliau dihantar untuk menimba ilmu pengetahuan di Pondok Pesantren yang didirikan oleh Shaykh Musthofa Husein¹⁴ di Purba Baru. Semasa belajar di

dengan SAHAA. Temubual dengan Bapak Ramli Siregar dan Khairul Habib Nasution (Guru Madrasah Pintu Padang Julu), di Madrasah Pintu Padang Julu, Kecamatan Siabu, Panyabungan, 15 Des 2010, pukul 16.30-17.00.

¹² *Ibid.*, 3. Pada masa kecilnya, begitulah sistem pendidikan/pengajian agama yang ada di masyarakat pada umumnya. Setelah anak-anak mempelajari huruf-huruf *Hijā'iyah*, mereka mula diajarkan membaca Juzuk Amma, dimulakan dengan surah *al-Fātihah* surah *al-Iklās*, *al-Nās*, *al-Falaq* dan seterusnya. Setelah sampai surah *al-Duhā*, maka dimulai membaca al-Qur'an pada mushaf, dimulai surah al-Baqarah sampai tamat. Mahmud Junus, *Sejarah Pendidikan Islam di Indonesia*, (Jakarta: Pustaka Mahmudiyah, 1960), 31

¹³ *Ibid.*, 3. Lihat juga Fachruddin Hasibuan *Riwayat Hidup Prof. Syekh Ali Hasan Ahmad Addary: Pahlawan Kemerdekaan*, (Padang Sidempuan: CV. Mahfuz Budi, 1994), 2

¹⁴ Shaykh Musthofa Husein Purba Baru dilahirkan pada 1886 di Tanoh Bato. Ayahandanya bernama H. Husein Nasution, seorang pedagang pecinta agama yang terkenal wara dan taat. Tahun 1900 ia berangkat ke Mekkah dan belajar kepada beberapa guru diantaranya, Shaykh Abdul Kadir Mandili, Shaykh Mukhtar Bogor, Shaykh Ahmad Sumbawa, Shaykh Bāfādil, Shaykh 'Umar Juneid dan Shaykh Aḥmad Khātib. Setelah belajar selama 12 tahun di Makkah, pada tahun 1912 ia kembali ke tanah air dan mula mengajar di Tano Bato dan berceramah di masjid-masjid. Namun pada 28 November 1915, Tanoh Bato dilanda banjir besar yang menghanyutkan sebahagian besar kampung Tanoh Bato. Shaykh Musthofa pindah ke Purba Baru dan mendirikan sebuah madrasah yang kemudian terkenal dengan Madrasah Musthafawiyah Purba Baru. Ia wafat 16 November 1995. Lihat Harun Nasution et.al. *Ensiklopedi Islam Indonesia*

pondok ini, SAHAA pertama sekali duduk di Banjar Losung¹⁵ dan mendapat bimbingan secara langsung oleh saudara ibunya M. Syukur Nasution @ Haji Sutan.¹⁶

Dari Banjar Losung kemudian pindah ke banjar Masjid di pondok Saman @ Haji Yahya. Sebagaimana dengan pelajar lainnya, SAHAA duduk di pondok dan memasak serta membasuh pakaian sendiri. Adapun gurunya yang utama waktu itu adalah Duroh @ Shaykh Abdul Halim Khatib yang dikenal dengan sebutan Tuan Naposo.¹⁷

Pada masa belajar di Purba Baru, iaitu lebih kurang tiga tahun, (1924-1927), SAHAA mempelajari buku-buku agama, misalnya dalam ilmu Nahwu *Matn Al-Ajrumiah*, *Mukhtaṣar Shaykh Khālid al-Azhari*, *al-Kawākib al-Durriyyah* dan *Qaṭr al-Nadā*. Sedangkan dalam ilmu fekah seperti kitab-kitab: *Safīnah al-Najāh*, *Riāḍ al-Badī'ah* dan *Sullam al-Taufīq*. Dalam ilmu tauhid seperti: *Qaṭr al-Ghaith*, *Tijān al-Durari* dan *Kifāyah al-A'wām*. Dalam ilmu Nahwu dan Ṣarf seperti buku: *al-Amthilah al-Jadīdah* dan *Matn al-Binā'*.¹⁸

3.5. Menimba Ilmu Di Makkah

Banyak alasan mengapa ramai pelajar muslim datang ke Makkah untuk mencari ilmu. Diantaranya, pandangan tentang keilmuan Islam yang dianggap lebih penting daripada ilmu umum. Secara kebetulan yang terakhir ini tidak banyak dijumpai di Makkah. Justeru terbukti dengan pelajar-pelajar yang datang pada umumnya berlatar belakang

(Jakarta: Djambatan, 1992), 704-705. Lihat juga Abbas Pulungan, *Pesantren Musthafawiyah Purba Baru Mandailing; Bangunan Keilmuan Islam dan Simbol Masyarakat* (Bandung: Citapustaka, 2004), 9-40

¹⁵ Banjar Losung adalah salah satu kawasan pondok-pondok pelajar di sekitar Pesantren Mustafawiyah. Setiap satu barisan pondok-pondok diberi nama banjar. Sedangkan Losung berasal dari kata lesung, kerana berhampiran dengan lesung tempat tumbukan padi. Khairuddin Lubis (salah seorang alumni Pondok Mustafawiyah dan STAIN Sidempuan) temu bual dengan penulis di kediaman beliau Kg. Nakhoda, Gombak, Selangor pada hari Sabtu 23 Oktober 2011.

¹⁶ Salmawati Hasibuan dan Mahfuz Budi Hasibuan, *Syeikh Ali Hasan Ahmad*, 4. Lihat juga, Fachruddin Hasibuan, *Prof. Syeikh Ali Hasan Ahmad*, 2

¹⁷ Salmawati Hasibuan dan Mahfuz Budi Hasibuan, *Syeikh Ali Hasan Ahmad*, 4

¹⁸ *Ibid.*

pendidikan agama. Mereka juga meyakini bahwa, akan lebih berotoritas jika ilmu-ilmu keislaman itu diambil dari sumber asalnya.¹⁹

Alasan lainnya adalah keyakinan bahwa Makkah adalah tempat pusaran ilmu keislaman yang paling dinamis kerana ianya juga sebagai pusat peribadatan. Makkah dan Madinah dikunjungi oleh para ulama antarabangsa yang tidak hanya datang untuk menunaikan ibadah tetapi juga melakukan pertukaran ilmu.²⁰ Ditambah lagi tradisi Makkah pada masa itu yang memberikan peluang yang amat besar bagi orang asing untuk menuntut ilmu keislaman disana.

Dalam usia sekitar 13 tahun tepatnya pada bulan Rejab sekitar tahun 1927 M, berangkatlah SAHAA ke Makkah untuk menuntut ilmu dan memperdalam pengetahuan. Sesampainya di sana, SAHAA duduk di rumah Shaykh Shafiah Rawa di Bāb al-Nabī yang terletak berdampingan Masjidil Haram. Pada masa perluasan masjid, tempat ini kemudian dibongkar dan dimasukkan ke *mas'ā* (tempat melakukan ibadah Sa'i).²¹

Dari sini kemudian SAHAA pindah ke rumah Shaykh Abdullah Ali Al-Mandily di Ziyād. Selama beberapa tahun beliau mengikuti pelajaran di madrasah Şawltiyah²². Dari tempat tinggal di rumah Shaykh Abdullah Ali Al-Mandily, SAHAA diberi kesempatan untuk duduk di asrama madrasah. Dari Asrama ini kemudian SAHAA berpindah ke rumah wakaf Shaykh Abdul Rahmat Al-Mandily.²³ Perpindahan dari satu tempat ke tempat yang lainnya ini dijalani SAHAA dengan penuh kesabaran dan

¹⁹ Ismatu Ropi dan Kusmana, ed. *Belajar Islam di Timur Tengah*, (Jakarta: Direktorat Pembinaan Perguruan Tinggi Agama Islam Departemen Agama RI, t.t), 21

²⁰ Untuk lebih terperinci dalam pendekatan ini, lihat Azyumardi Azra, *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara abad XII dan XIII: Melacak akar-akar pembaruan pemikiran Islam di Indonesia*, (Bandung: Mizan, 1995), 2: 3-7

²¹ Salmawati Hasibuan dan Mahfuf Budi, *Syeikh Ali Hasan Ahmad*, 4. Lihat juga Fachruddin, *Riwayat Hidup Prof. Syeikh ali Hasan Ahmad*, 2

²² Madrasah Şawlatiyah al-Hindiyah adalah sekolah agama swasta pertama di Makkah. Didirikan atas wakaf seorang perempuan kaya yang dermawan yaitu Şawlah al-Nisa' dan dikendalikan oleh seorang ulama india, iaitu Shaykh Rahmatullah bin Khalīl al-Hindī. Lihat Ahmad Fahmi Zamzam, *Sayyid Muhammad bin 'Alawī al-Mālikī al-Ḥasanī: Sejarah Hidup dan Dasar-dasar Pemikirannya* (Kedah: Khazanah Banjariyah, 2005), 33-34

²³ Salmawati Hasibuan dan H. Mahfuz Budi, *Syeikh Ali Hasan Ahmad*. 5. Lihat juga Basyral Hamidy Harahap, *Madina Yang Madani* (Panyabungan: Pemerintah Daerah Kabupaten Madina, 2004), 302

ketabahan layaknya sebagai penuntut ilmu yang ikhlas dan nantinya akan menjadi pewaris para nabi sesudah sampai masa dan ketikanya.

Pada masa SAHAA memasuki madrasah berkenaan, pimpinannya adalah Ahmad Salim Al-Hindy cucu dari Shaykh Rahmatullah Al-Hindī (pendiri Madrasah Şawlatiyah). SAHAA memasuki madrasah ini pada tingkat *al-Thānawīyyah* selama 4 tahun, dan kemudian melanjutkan ke *Qism al-‘Ālī* selama 2 tahun.²⁴ Selama belajar di madrasah ini, SAHAA sudah menunjukkan kecerdasan dan ketekunannya dalam menimba ilmu. Sehingga banyak cabang-cabang ilmu yang beliau dapat kuasai dengan baik.

Pada masa SAHAA berada pada tingkatan dua Qism al-‘Ālīy Şawlatiyah, tepatnya tahun 1935, terjadilah aksi penolakan mengikuti pelajaran dari pelajar-pelajar Indonesia dan Malaysia sebagai protes/tindak balas terhadap pembuangan pelajar yang terjadi atas pelajar dari Jawa Timur yang kedapatan sibuk dengan majalah Suara N.U.²⁵ Dari kejadian ini, lahirlah madrasah Dār al-‘Ulūm yang dipimpin oleh Sayyid Muḥsin al-Musāwā²⁶ seorang keturunan arab dari Palembang sebagai mudir dan Shaykh Zubeir Ismail yang berasal dari Perak sebagai timbalan mudir. Hampir separuh dari guru-guru dan pelajar madrasah yang berasal dari Indonesia dan Malaysia pindah ke Madrasah Dār ‘Ulūm yang baru berdiri itu termasuk di dalamnya SAHAA sendiri.

²⁴ Salmawati Hasibuan dan Mahfuz Budi, *Syeikh ali Hasan Ahmad*, 5. Lihat Basyral Hamidy Harahap, *Madina Yang Madani*, 302

²⁵ Salmawati Hasibuan dan Mahfuz Budi, *Syeikh Ali Hasan Ahmad*, 5. Dikhabarkan bahawa pelajar-pelajar keluar dari Şaulaitiyah kerana konflik pemakaian bahasa Indonesia yang telah menyinggung kebanggaan nasional. Menurut satu riwayat dari Aboebakar Aceh, konflik ini muncul karena seorang guru mengoyakkan suar kabar berbahasa Indonesia yang sedang dibaca para murid; bacaan lain selain kitab berbahasa Arab memang dilarang di madrasah. Lihat Martin Van Bruinessen, *Kitab Kuning, Pesantren dan Tarekat: Tradisi-tradisi Islam di Indonesia*, (Bandung: Mizan, 1995), 36

²⁶ Nama penuhnya adalah Muḥsin bin ‘Alī bin ‘Abd al-Raḥmān al-Musāwā Bā ‘Alawī al-Husainī al-Ḥaḍramī al-Shāfi‘ī. Ayahnya merantau dari Ḥaḍr Mawt ke Indonesia untuk menyebarkan ilmu. Ayahnya membina Jam‘iyyah Thamarāt Ikhwān di Jambi. Adapun Shaykh Muḥsin dilahirkan di Palembang dan ayahnya adalah gurunya yang pertama sebelum yang lainnya dan sebelum berangkat ke makkah. Yūsuf Al-Mar‘ashlī, *Mu‘jam al-Ma‘ājim wa al-Mashyīkhat wa al-Fahāris wa al-Barāmij wa al-Athbāt : Mawsū‘ah Isnādiyah Taḍummu Tarājim al-Musnadīn ‘Abra al-Qurūn ; wa Ma‘ah al-Anwār al-‘Āliyah bi al-Asānīd al-Mar‘ashliyah* (al-Riyāḍ: Maktabah al-Rushd, 2002), 2: 424-425. Lihat juga ‘Umar Abd al-Jabbār, *Siyar wa Tarājim Ba‘d ‘Ulama’inā fī al-Qarn al-Rābi’ ‘Ashr li al-Hijrah* (c. 3, Jeddah: Tihamah, 1982), 293

Pada madrasah ini SAHAA juga mengikuti pelajaran pada peringkat Qism al-‘Ālī. Selain daripada itu, diamanahkan pula untuk memberikan pengajaran pada peringkat Ibtidāiyyah dan Thānawiyyah.²⁷ Ini juga menjadi salah satu bukti kelebihan dan keutamaan SAHAA sehingga dipercayai mengajar di madrasah Dā al-‘Ulūm walaupun statusnya masih sebagai seorang pelajar.

3.6. Guru-guru Tempatnya Menimba Ilmu

Selain belajar di madrasah, SAHAA tidak henti-hentinya mengikuti pelajaran tambahan di Masjid al-Haram kepada Ulama-ulama besar seperti:²⁸

1. Shaykh Mukhtar Bogor.²⁹

Dari Ulama besar ini SAHAA sempat mempelajari buku *Bujairimī*, *Riyaḍuṣṣālihīn* dan lain-lain.

2. Shaykh Muhammad Faṭānī³⁰ dari Thailand, dalam ilmu fekah dengan memakai buku *Fath al-Wahhāb* bertempat di hadapan Bāb ‘Ālī.
3. Shaykh Ja’far Banjar juga dalam ilmu fekah dengan memakai buku *I’ānah al-Ṭālibīn*, bertempat di hadapan Bāb al-Salām.
4. Shaykh Zaharuddin Asahan dari Sumatera Utara dalam ilmu Nahwu dengan buku *Shudhūr al-Dhahb*.
5. Sayyid ‘Abbās al-Mālikī,³¹ iaitu nenek kepada Sayyid Muhammad ‘Alawī,³² dalam ilmu ṣarf.

²⁷ Salmawati Hasibuan dan Mahfuz Budi, *Syeikh ali Hasan Ahmad*, 5

²⁸ *Ibid.*, 5-7.

²⁹ Abū al-Is’ād Muḥammad Mukhtār bin ‘Aṭarid al-Būghūrī al-Jāwī, lebih dikenali dengan al-Bitāwī al-Makkī al-Shāfi’ī. Lahir di Bogor (Indonesia) dan mengisi masa kecilnya dengan belajar al-qur’an kepada ayahnya dan menghafal sebagian matan-matan. Seterusnya merantau ke betawi sebelum ke Hijāj. Lihat Yūsuf Al-Mar’ashlī, *Mu`jam al-Ma`ājim*, 2: 395. Lihat juga ‘Umar Abd al-Jabbār, *Siyar wa Tarājim*, 245

³⁰ Dilahirkan pada tahun 1290 H dan mendapat pendidikan di Masjid al-Harām dan universiti al-Azhar. Seterusnya kembali ke Makkah dan mengajar di Masjid al-Ḥarām. Wafat pada tahun 1363 H. ‘Umar Abd al-Jabbār, *Siyar wa Tarājim*, 269

³¹ Nama penuhnya adalah Al-Sayyid ‘Abbās ‘Abd al-‘Azīz bin ‘Abbās bin Muḥammad al-Idrīsī al-Ḥasanī dikenal sebagai al-Mālikī al-Makkī. Seorang yang alim, pakar dalam bidang hadith dan pengriwayatannya. Beliau juga seorang Imam dan Khatib di Masjidil haram. Yūsuf Al-Mar’ashlī, *Mu`jam al-Ma`ājim*, 2: 415, Lihat juga ‘Umar Abd al-Jabbār, *Siyar wa Tarājim*, 144

6. Shaykh Ahmad Mahir Kelantan dari Malaysia, dalam ilmu balāghah, dengan memakai buku *al-Jauhar al-Maknūn*.
7. Shaykh Aḥmad ‘Araby, dalam ilmu sejarah dengan memakai kitab *Itmām al-Wafā*.
8. Shaykh Ahmad Harosani dalam ilmu mustalah hadīth.
9. Shaykh ‘Umar Ḥamdān Al-Maḥrasy³³, dalam ilmu hadith dengan memakai buku *Ṣaḥīḥ al-Bukhāriy* dan *Ṣaḥīḥ Muslim*.
10. Shaykh Husein Abdul Ghani, juga dalam ilmu hadith dengan memakai buku *Musnad al-Syāfi’i* dan *Musnad Abī Hanīfah*.
11. Shaykh Janan Thaib Minangkabau³⁴, dalam ilmu hadith dan usul fekah dengan memakai buku *Irsyād al-Fuḥūl* dan *Ṣaḥīḥ al-Bukhāriy*.
12. Shaykh Ḥamid al-Faqīh al-Misry, dalam ilmu hadith dengan memakai buku *Bulūgh al-Marām*.
13. Shaykh Jamāl al-Mālikī³⁵ dalam ilmu naḥwu, dengan memakai karangannya sendiri.
14. Shaykh Ḥasan Muḥammad Al-Mashāṭ³⁶ dalam ilmu hadith dengan memakai buku *Jāmi’ al-Tirmidhī*.
15. Sayyid ‘Alawī al-Mālikī³⁷ dalam ilmu nahwu dengan memakai buku *al-Khuḍarī*.

³² Nama penuhnya, Sayyid Muḥammad al-Ḥasan bin ‘Alawī bin ‘Abbās bin ‘Abd al-‘Azīz bin ‘Abbās al-‘Idrisī al-Mālikī al-Ḥasanī al-Makkī. Lahir dari keturunan ulama, ayah dan neneknya adalah ulama besar dan pengajar di Masjid al-Ḥarām. Lihat Yūsuf al-Mar’ashlī, *”Nathr al-Jawāhir wa al-Durar fī ‘Ulama’ al-Qarn al-Rābi’ ‘Ashr wa bi dhailih ‘Iqd al-Jauhar fī ‘Ulamā al-Rub’ al-Awwal min al-Qarn al-Khāmis ‘Ashr* (Beyrut: Dār al-Ma’rifah, 2006), 2037-2038

³³ Nama penuhnya adalah ‘Umar bin Ḥamdān bin ‘Umar bin Ḥamdān al-Maḥrasi al-Tūnisī kemudian Madanī al-Mālikī. Yūsuf Al-Mar’ashlī, *Mu’jam al-Ma’ājim* 2: 478. Lihat juga ‘Umar Abd al-Jabbār, *Siyar wa Tarājim*, 204

³⁴ Janan Tayyib (alumni pertama universiti al-Azhar dari Indonesia) berasal dari Padang, pendiri Madrasah Indonesia Islamiyah Makkah. Azyumardi Azra et.al., *Ensiklopedi Islam* (Jakarta: PT Ichtiar Baru Van Hoeve, 2005), 2:189

³⁵ Dilahirkan pada tahun 1285 H. dan wafat pada 1349 H. Berguru kepada bapa saudaranya Shaykh ‘Ābid seorang Mufti Mazhab Mālikī dan ulama besar lain pada masanya. Lihat ‘Umar Abd al-Jabbār, *Siyar wa Tarājim*, 90

³⁶ Nama penuhnya adalah Ḥasan bin Muḥammad Masysyāṭ bin ‘Abbās bin ‘Alī bin abd Wāḥid al-Masysyāṭ al-Makki al-Mālikī. Suku masyāṭ berasal dari fās di Marocco. Yūsuf Al-Mar’ashlī, *Mu’jam al-Ma’ājim* 2: 571

16. Shaykh Mahmud Bukhari dalam ilmu perbandingan mazhab dengan memakai buku *Bidāyah al-Mujtahid*.
17. Shaykh Tajuddin Ridwan dari Muara Botung (Tapanuli Selatan), dalam ilmu fekah dengan memakai buku *al-Sharqāwī*.
18. Shaykh Abdul Jabbār, dalam ilmu nahwu dengan memakai buku *al-Khuḍarī*.
19. Sayyid Amīn al-Katbī, dalam ilmu nahwu dengan memakai buku *al-Khuḍarī*.
20. Shaykh Tāhir al-Mandilī, dalam ilmu nahwu dengan memakai buku *Qaṭr al-Nadā*.
21. Shaykh Aḥmad Rowwas, dalam ilmu hadith dan ilmu ṣarf.
22. Shaykh Abd al-Razzāq ‘Alī Ḥamzah al-Miṣrī, dalam ilmu hadith.
23. Shaykh Ahmad Turkiy yang bermazhab Hanbali dalam ilmu hadith.
24. Sayyid ‘Alī al-Mālikī, yang juga mengajar pada Madrasah Dār al-‘Ulūm, dalam ilmu Qawā’id Fiqhiyyah.
25. Shaykh Abū Samḥ,³⁸ yang menjawat imam dan khatib Masjidil Haram pada masa itu. Beliau belajar ilmu hadith dan tafsir.

Selain belajar di Masjid al-Haram dan Madrasah, ada juga pelajaran tambahan yang lain di rumah-rumah Masyāikh diantaranya:³⁹

³⁷ Al-Sayyid ‘Alawī bin ‘Abbās ‘Abd al-‘Azīz bin ‘Abbās bin Muḥammad al-Idrīsī al-Ḥasanī dikenal sebagai al-Mālikī al-Makkī. Ayah dari Shaykh Muḥammad al-Ḥasan bin ‘Alawī. Dilahirkan di makkah dari keluarga al-Mālikī. Keluarga ulama dari fās dan merantau ke Makkah. Yūsuf Al-Mar’ashlī, *Mu`jam al-Ma`ājim* 2: 555

³⁸ Nama penuhnya adalah ‘Abd al-Zāhir bin Muhammad, Nūr al-Dīn al-Talīnī berasal dari kampung al-Talīn al-Sharqiyyah Mesir. Raja ‘Abd al-Azīz bin Sa’ūd memintanya datang ke Makkah untuk menjadi Imam dan khatib di Masjid al-Ḥarām. Lihat Yūsuf al-Mar’ashlī, *Nathr al-Jawāhir*, 736

³⁹ *Ibid.*, 7-8. Selain ḥalaqah di Masjid al-Haram, beberapa Shaykh meneruskan pengajian di rumah mereka. Namun demikian, sistem pengajian atau pembelajaran di rumah ini juga dilakukan oleh ulamak-ulamak yang tidak mengajar di Masjid al-Haram. Yang terakhir ini biasanya kerana sudah lanjut usia atau kerana bukan penduduk asli yang mendapat izin membuka ḥalaqah di al-Ḥarām, atau alasan lain. Lihat Ismatu Ropi dan Kusmana, ed., *Belajar Islam di Timur Tengah*, 25

1. Shaykh Sulaiman Ambon, yang bertempat tinggal di Misfalah, mengajarkan ilmu falak dengan memakai buku *Taqrīb al-Maqṣūd*.
2. Shaykh Abu Bakar Siregar, yang berasal dari Sipirok (Tapanuli Selatan) juga dalam ilmu falak dengan memakai *al-Ḥisāb*.
3. Shaykh Abdul Hamid, yang berasal dari Pulau Pinang dalam ilmu mantiq.
4. Shaykh Zaharuddin Asahan, dalam ilmu nahwu dan ilmu tafsir.
5. Shaykh Abdullah bin Nuh dari Kelantan, dalam ilmu hadith, mustalah dan tafsir.
6. Shaykh Abdul Qādir al-Mandīlī,⁴⁰ yang berasal dari Huta Siantar Panyabungan, dalam ilmu tafsir dengan memakai buku *Tafsīr al-Jalālayn*.
7. Shaykh ‘Umar Bājuneid⁴¹, dalam ilmu taṣawwuf dengan mempergunakan buku *Sharḥ al-Ḥikam*.
8. Shaykh Khalīfah,⁴² dalam ilmu falak, dengan memakai buku karangan sendiri iaitu *Thamarah al-Wasīlah*.
9. Shaykh Husein Abdul Ghani, dalam ilmu hadith.

3.7. Mengajar di Makkah

Selain belajar pada madrasah Dār al-‘Ulūm, Masjid al-Ḥarām dan rumah-rumah *mashāikh*, SAHAA juga aktif mengajar pada beberapa tempat di tanah suci seperti:

⁴⁰ Basyral Hamidy Harahap, *Madinda Yang Madani*, 322. Lihat juga Rosni binti Wazir, “Hadis-hadis Penawar Bagi Hati Oleh Shaykh ‘Abd al-Qadir al-Mandili: Satu Penilaian,” *Jurnal Pengajian Islam* 3 (Julai 2008), 51-52

⁴¹ Lahir pada tahun 1263 H. dan wafat tahun 1354 H. Beguru kepada Sayyid Aḥmad Daḥlān, Shaykh Sa’id Bā Baṣīl, Sayyid Bakrī Shaṭā, Shaykh al-Sādah Aḥmad al-Saqāf dan Sayyid Aḥmad Zayn al-‘Ābidīn. ‘Umar Abd al-Jabbār, *Siyar wa Tarājim*, 147

⁴² Nama penuhnya adalah Khalīfah bin Ḥamād bin Mūsā bin Nabḥān al-Nabḥānī al-Mālikī al-Makkī. Dilahirkan di Baḥrayn dan berhijrah ke Makkah pada usia 17 tahun dan belajar kepada para ulama masjidil haram. Diantara karangannya adalah al-Wasīlah al-Mar’iyyah li ma’rifati al-Awqāt al-Shar’iyyah dan di reangkaskan pada buku Thamarāt al-Wasīlah li man Arād al-Faḍīlah. Yūsuf Al-Mar’ashlī, *Mu`jam al-Ma`ājim* 2: 460-461. Lihat juga ‘Umar Abd al-Jabbār, *Siyar wa Tarājim*, 101

a. Madrasah Dār al-‘Ulūm, sejak berdirinya pada tahun 1935 sehingga ia kembali ke tanah air pada tahun 1938. SAHAA mengajar pada peringkat al-Tajhīzī, al-Ibtidā’ī dan al-Thānawī, dalam berbagai subjek diantaranya; ilmu hadith, mustalah, balāghah, ‘arūḍ, fiqh al-mawārīth, insyā’, muṭāla’ah dan lain-lain.

b. Masjid al-Haram, iaitu lebih kurang dua tahun (1936-1938), SAHAA juga memberikan pelajaran mengenai Uṣūl al-Tafsīr, dengan memakai buku *Al-Fauz al-Kabīr* yang sudah diterjemahkan ke dalam bahasa Indonesia dengan tajuk “Perbendaharaan Ilmu Tafsir dan Ilmu Hadith.”

3.8. Murid-muridnya

Diantara pelajarnya di Makkah adalah; Fachrurrozi Nasution dari Huraba Mandailing, Zubeir Ahmad (adiknya sendiri) dan K.H. Thohir Rahili bekas Rektor Universiti Thohiriyah Jatinegara dan pimpinan Umum Perguruan At-Thohiriyah Jakarta, juga Anggota Dewan Perwakilan Rakyat/Majelis Permusyawaratan Rakyat (DPR/MPR) hasil Pemilihan Umum 1982.⁴³ Adapun murid-muridnya di Indonesia tersebar di beberapa wilayah Indonesia terutama di Medan dan Jakarta. Tercatitlah diantaranya Prof. Dr. Haidar Putra Daulay, MA; Prof. Dr. Ridwan Lubis, MA; Drs. Syariful Mahya Bandar MA; Drs. Lukmanul Hakim Siregar, Drs. Kosim AR, dan lain-lain.

Namun sangat disayangkan, sampai saat tulisan ini dibuat, tidak dijumpai pelajar-pelajar SAHAA yang meneruskan disiplin ilmunya di bidang hadith. Kesimpulan ini penulis dapatkan dari data-data yang diperolehi dan pernyataan anak SAHAA, tokoh-tokoh masyarakat, serta sumber-sumber lain yang diakui autoritinya.

⁴³ *Ibid.*, h. 8

Ada beberapa hal yang menyebabkan tidak adanya generasi penyambung riwayat dari SAHAA, diantaranya:

Pertama, kurang diminatinya subjek hadits seiring dengan kurang rancaknya pengajian hadits di Indonesia pada masa hidup beliau. Ini juga membuktikan betapa terbelakangnya pengajian hadits di Indonesia pada pertengahan kurun ke 20 dibandingkan dengan pengajian yang lain. Justeru buku-buku karangan SAHAA di bidang hadits diajarkan untuk pelajar pada fakulti Tarbiyah/Pendidikan. *Kedua*, kurangnya kemudahan yang didapatkan dalam pengembangan hadits sebagai satu cabang ilmu yang sangat penting dalam Islam. Pada masa awal penubuhan pengajian tinggi, pemerintah lebih mementingkan fakulti-fakulti pendidikan⁴⁴ di kebanyakan universiti di Indonesia. Dua buku karangannya dibidang hadits diajarkan pada sekolah Pendidikan Guru Agama (PGA) al-Iman, sedangkan buku *Hadith-hadith Hukum* diajarkan pada fakulti Tarbiyah STAITA.⁴⁵ Ini kerana Jabatan Qur'an dan Hadith belum ada pada masa itu. Adaah sesuatu yang sangat membanggakan, sekarang ini telah bermunculan pusat-pusat kajian hadits di Indonesia yang dibina dan di asuh oleh pakar yang berautoriti pula.

3.9. Kembali Ke Tanah Air Dan Mula Mengajar

Selama berada di tanah suci, SAHAA melepaskan dahaganya dalam menuntut ilmu dan berusaha memperdalaminya, terutama dalam pengetahuan agama. Setelah bermukim selama lebih kurang sepuluh tahun,⁴⁶ dan setelah lepas dahaganya untuk menuntut ilmu dan menelaah bermacam-macam kitab serta belajar dengan *mashāikh*, tergeraklah

⁴⁴ Pengajian tinggi agama Islam Indonesia sememangnya sangat kekurangan dalam pendanaan. Kononnya, dana untuk 14 IAIN yang ada, sama dengan dana untuk Institut Keguruan dan Ilmu Pendidikan (IKIP). Lihat Hamdan Daulay, "Plus Minus Perubahan IAIN ke UIN", dalam Ahmad Baidowi dan Jarot Wahyudi ed., *Konversi IAIN ke UIN Sunan Kalijaga* (Jogjakarta: Suka-Press, 2005), 47

⁴⁵ Mahabat Siregar, Pensyarah STAITA dan STAIN Padang Sidempuan, temu bual dengan penulis di Masjid Taqwa Padang Sidempuan, pada hari Sabtu, 4 Jun 2011, antara waktu salat magrib dan Isya.

⁴⁶ Pada rujukan yang penulis jumpai menyebutkan masa menuntutnya di Makkah adalah selama lapan tahun. Namun kalau mengikutkan masa pemberangkatannya (tahun 1927) dan masa kepulangannya (tahun 1938), penulis cenderung menyatakan masa belajarnya di Makkah adalah lebih kurang 10 tahun. Lihat Salmawati Hasibuan dan Mahfuz Budi, *Syeikh ali Hasan Ahmad*, muka surat 4 dan 8.

hatinya untuk kembali ke tanah air dengan niat untuk dapat menyampaikan apa yang telah dituntutnya selama di tanah suci kepada masyarakat di tanah air amnya dan di Tapanuli Selatan khususnya. SAHAA kembali ke tanah air pada tahun 1938.⁴⁷

Sepertimana dijelaskan terdahulu, bahawa SAHAA pada saat mukim ditanah suci untuk memperdalam ilmu pengetahuannya, beliau juga mengajar pada peringkat *al-Ibtidāiyyah* dan *al-Thānawīyyah* di Dār ‘Ulūm. Demikian pula halnya setelah kembali ke tanah air, sekian lama menimba ilmu pengetahuan di tanah suci, SAHAA meneruskan aktivitinya dalam mengajar.⁴⁸ Pertama sekali SAHAA mengajar setelah sampai ditanah air adalah ditempat belajarnya sebelum berangkat ke tanah suci, iaitu di pondok pesantren Purba Baru.⁴⁹ Pelajaran yang di berikan adalah ilmu hadith dengan memakai buku *Abī Jamrah* dan *Subul al-Salām*.⁵⁰

Walaupun SAHAA dididik dan mendapatkan ilmu pengetahuan di tanah suci, tidaklah terikat hanya dengan ilmu-ilmu agama sahaja. SAHAA mempunyai pemikiran bahawa Islam ini dapat lebih maju bila umat Islam itu sendiri mampu menguasai semua disiplin ilmu yang ada. Oleh itu, dalam mengajar di Purba Baru selain pelajaran agama juga mengajarka ilmu-ilmu umum, seperti ilmu jiwa dan ilmu mendidik dengan memakai buku panduan karangan H. Mahmud Yunus dan Muchtar Luthfi (seorang alumni universiti Al-Azhar).⁵¹ Atas izin Shaykh Musthafa Husein, pimpinan pesantren tersebut, SAHAA juga memberikan pengajaran di masjid dengan buku-buku karangan Shaykh Muhammad Abduh dan al-Manfalūti berkenaan dengan perbandingan agama.

Lebih kurang tiga tahun lamanya SAHAA mengajar di pesantren ini, kemudian tergerak pulalah hatinya untuk dapat membangun sendiri madrasah di kampung tempat

⁴⁷ *Ibid.*, 8

⁴⁸ *Ibid.*, 10

⁴⁹ Musthatafawiyah adalah madrasah yang didirikan oleh Shaykh Musthafa Husein Purba Baru pada 28 november 1915. Guru-guru yang mengajar di madrasah tersebut, selain Shaykh Musthafa Husein Purba Baru, juga tercatat Shaykh Abdul Halim Khatib, Shaykh Ja'far Abdul Wahab, H. Syamsyuddin Panyabungan, H. Abdullah, H. Yunus Maga, H. Ilyas, dan Zainuddin Musa. Lihat Harun Nasution et.al., Hidayatullah *Ensiklopedi Islam Indonesia*, 702

⁵⁰ Salmawati Hasibuan dan Mahfuz Budi Hasibuan, *Syeikh Ali Hasan Ahmad*, 10

⁵¹ *Ibid.*, 10

Ibu Bapanya dimakamkan, iaitu di kampung Hutabaringin, kira-kira dua kilometer jauhnya dari kampung kelahirannya Pintu Padang Julu. Rencana ini secara bertahap direalisasikan dengan menubuhkan madrasah yang sekarang terkenal dengan nama Ma'had Islahiddin. Dengan menisbahkan salah satu nama madrasah yang ada di Mekkah.⁵²

3.10. Keluarga Dan Keturunannya

Hanya beberapa bulan SAHAA mengajar di Madrasah Musthafawiyah Purba Baru, tepatnya pada pertengahan tahun 1938, ia melangsungkan perkahwinan dengan Syarifah Nasution binti Shaykh Muhammad Nur. Bagaimanapun rumah tangga ini hanya berjalan lebih kurang tiga tahun. Pada tahun 1941, isterinya meninggal dunia dengan meninggalkan seorang puteri bernama Faizah Hasibuan.⁵³ Sejak meninggalnya isteri pertama, dapatlah dirasakan betapa SAHAA mengalami ketidak seimbangan dalam kehidupan berdakwah dan misi pengembangan agama. Oleh, itu SAHAA membina rumah tangga untuk kali yang kedua dengan Malianur Nasution binti H. Abdullah dari Malintang Jae. Namun perkongsian hidup ini tidak panjang, hanya bertahan sampai beberapa bulan sahaja.⁵⁴

Pada malam khamis, 12 Syawal 1361 H/24 Oktober 1942 SAHAA bertemu jodohnya yang ketiga iaitu Ramlah Binti H. Abdullatif Hasibuan. Dari isteri ketiga ini, SAHAA dikarunikan lima orang cahaya mata. Fauziah, Salmawati⁵⁵, Ramadhan,

⁵² *Ibid.*, 11

⁵³ Putri Sulungnya ini berkahwin dengan Balyan Sireegar @ H.M. Daud Siregar, putera pengasuh pondok di satu tempat bernama Nabundong pada tahun 1958. *Ibid.*, 11.

⁵⁴ *Ibid.*, 11. Lihat juga Basyral Hamidy Harahap, *Madina Yang Madani*, 310

⁵⁵ Salmawati Hasibuan meneruskan cita-cita ayahanda tercintanya dengan berkhidmat dalam dunia pendidikan Islam di IAIN Sumatera Utara. Pada saat ini ia memegang jawatan sebagai Kepala Biro Rektor IAIN Sumatera Utara. Biro rektor adalah Setiausaha Institut yang berubah nama. Dari tahun 1987 berubah menjadi Kepala Biro Administrasi, Umum, Akademis dan Kemahasiswaan (AUAK) pada masa H. Nama Sukatendel, SH. Sekarang jawatan ini masih dipegang oleh Drs. Hj. Salmawati Hasibuan. *Ibid.*, 311. Lihat juga Yasir Nasution, *Tiga puluh Tahun IAIN SU* (Medan: IAIN Press, 2003), 21

Mahfuz Budi⁵⁶ dan Masykur. Namun tiga orang anaknya meninggal dunia pada usia yang masih sangat kecil. Fauziah berpulang ke rahmat Allah pada usia dua tahun. Sedangkan Ramadhan dan Masykur hanya berumur beberapa hari sahaja.⁵⁷

Keluarga ini hidup bahagia penuh kasih sayang selama 40 tahun. Selama 27 tahun mereka tinggal di Padang Sidempuan, 8 tahun di Hutabaringin dan 5 tahun di Medan.⁵⁸ Isteri ketiganya inilah yang sangat berjasa kepada beliau dalam mengharungi pahit dan manisnya kehidupan. Isteri yang selalu mendampingi dan menyokong segala aktiviti dakwah. Dalam bermasyarakat, H. Ramlah juga dikenal aktif dalam aktiviti-aktiviti dakwah dan berbagai organisasi. Beliau meninggal pada hari pada 14 April 1982.⁵⁹

Sesudah permergian isterinya ini, atas kesepakatan anak-anak dan keluarganya, SAHAA berkahwin lagi untuk kali yang ke empat dengan Jamaliah Lubis dari Pintu Padang Julu Kecamatan Siabu, sebagai pendamping hidupnya yang terakhir.⁶⁰

3.11. Berkhidmat Sebagai Pegawai Kerajaan

Pada awal perkhidmatannya, SAHAA bertugas sebagai pegawai Mahkamah Shari'ah Sumatera Timur pada tahun 1948. Dari Mahkamah Shari'ah Sumatera Timur, SAHAA dipindahkan ke Mahkamah Shari'ah Kabupaten Deli Serdang pada awal tahun 1952 yang waktu itu dipimpin oleh H. Muhammad Arsyad Thalib Lubis⁶¹. Pada tahun 1953 SAHAA dipindahkan lagi ke Pejabat/Kantor Urusan Agama (KUA) Kabupaten Deli Serdang sebagai pengerusi bahagian kemasjidan. Pada pertengahan 1954 SAHAA

⁵⁶ Putera yang namanya diabadikan sebagai nama syarikat penerbitan ini (CV. Mahfuz Budi) kini meneruskan kepemimpinan ayahandanya pada Sekolah Tinggi Agama Islam Tapanuli (STAITA). Basyral Hamidy Harahap, *Madina Yang Madani*, 311

⁵⁷ Salmawati Hasibuan dan Mahfuz Budi Hasibuan, *Syeikh Ali Hasan Ahmad.*, 59-60

⁵⁸ Basyral Hamidy Harahap, *Madina Yang Madani*, 310

⁵⁹ Salmawati Hasibuan dan Mahfuz Budi Hasibuan, *Syeikh Ali Hasan Ahmad*, 61-62

⁶⁰ Basyral Hamidy Harahap, *Madina Yang Madani*, 310

⁶¹ Beliau adaah seorang ulama terkemuka, muballigh ulung, pendidik yang tidak kenal lelah, dan penulis yang produktif. Ia adalah ulama kebanggaan dan kesayangan umat Islam, terutama di Sumatera Utara. Ia lahir di Stabat, Kabupaten Langkat, pada Oktober 1908 (1326 H), dan wafat di Medan pada 16 Jun 1972 (23-5-1329 H). Harun Nasution et al., *Ensiklopedi Islam Indonesia* (Jakarta: Djambatan, 1992), 668-669

dipindahkan lagi ke Padang Sidempuan sebagai pengetua Jawatan Urusan Agama Kabupaten Tapanuli Selatan. Sejak itulah bermula perjuangannya di Padang Sidempuan.⁶²

Lima tahun lamanya SAHAA memimpin Jawatan Urusan Agama Tapanuli Selatan, kemudian ia dilantik sebagai Penyelia/Pengawas Urusan Agama untuk Daerah Tapanuli yang dijalaninaya selama tujuh tahun. Sampai akhirnya pada 1 Jun 1968 setelah Fakulti Tarbiyah IAIN Padang Sidempuan diresmikan oleh Menteri Agama RI pada waktu itu Bapak K.H.M. Dachlan, SAHAA dilantik memimpin fakulti ini.⁶³

Sejak 1 Jun 1968 sampai 1 Mei 1997 SAHAA menjawat sebagai Dekan Fakulti Tarbiyah IAIN di Padang Sidempuan. Pada masa tersebut, dari sudut pengurusannya Fakulti Tarbiyah IAIN Padang Sidempuan berada dalam dua fasa. Iaitu fasa dibawah IAIN Imam Bonjol Padang, selama lebih kurang lima tahun dan fasa IAIN Sumatera Utara⁶⁴ lebih kurang empat tahun. Dalam fasa terakhir ini, SAHAA pernah pula diamanahkan sebagai pemangku Rektor IAIN Sumatera Utara semasa Rektor H. Ismail Sulaiman berangkat menunaikan ibadah haji ke Mekkah.⁶⁵

Setelah berhenti dari jawatannya sebagai dekan, SAHAA tetap berkhidmat sebagai pensyarah biasa pada Fakulti Tarbiyah IAIN Padang Sidempuan sampai 1 Mac 1980 dalam usia 65 tahun setelah berkhidmat lebih 30 tahun lamanya. Oleh kerana tenaganya dan khidmatnya masih diperlukan, pada 1 Mac 1980 SAHAA juga ditetapkan

⁶² Salmawati Hasibuan dan Mahfuz Budi Hasibuan, *Syeikh Ali Hasan Ahmad*, 14-15

⁶³ *Ibid.*,

⁶⁴ Penubuhan IAIN Sumatera Utara juga tidak lepas dari usaha yang dilakukan oleh Shaykh Ali Hasan. Sudah pasti usaha ini atas kerja sama dengan cendikiawan dan tokoh setempat. Yang pasti pada awal masa penubuhannya, dua fakulti yang didirikan oleh Shaykh Ali Hasan inilah –Fakulti Tarbiyah dan Fakulti Usuluddin- yang dijadikan sebagai dua fakulti di IAIN Sumatera Utara. Yang mana pad fasa pertama, menjadi cawangan IAIN Imam Bonjol Padang. Cadangan mendirikan perguruan tinggi Islam di daerah ini mula dimunculkan sejak tahun 1960 yang didorong oleh perkembangan masyarakatnya yang religi dan mempunyai banyak pesantren dan madrasah tingkat Aliyah. *Ibid.*, 25. Pembincangan mengenai pembinaan ini juga ditulis oleh Rektor IAIN dalam profil IAIAN. Untuk lebih jelasnya sila merujuk Nur Ahmad Fadil lubis, *Profile IAIN 2009*, (Medan: IAIN Press, 2009), 6

⁶⁵ Salmawati Hasibuan dan Mahfuz Budi Hasibuan, *Syeikh Ali Hasan Ahmad*, 15

sebagai Guru Besar Luar Biasa (Professor) IAIN Padang Sidempuan dalam mata kuliah (subjek) ilmu hadith.⁶⁶

3.12. Keterlibatan Dalam Organisasi Masyarakat (Ormas)

Jiwa pergerakan yang ada dalam diri SAHAA sudah tertanam sejak menjadi pelajar di Makkah al-Mukarramah. Seperti diketahui pada masa itu sudah berdiri beberapa organisasi kedaerahan, seperti *Nahḍah al-Ṭālibīn* bagi pelajar-pelajar yang berasal dari Kalimantan, *Rauḍah al-Munāẓirīn* bagi yang berasal dari Jawa Tengah dan Jawa Timur, *Al-I'tiṣām* bagi yang berasal dari Lampung.⁶⁷

Semasa di tanah suci, SAHAA aktif dalam organisasi Al-Jam'iyatul Washliyah, sebuah NGO yang berpusat di Medan. Ketika itu organisasi ini dipimpin oleh salah seorang pendirinya dan termasuk barisan Pengurus Besarnya, iaitu H. Ismail Banda.⁶⁸ SAHAA diserahkan amanah sebagai timbalan pengerusi. Beliau juga aktif mengikuti ceramah-ceramah dan *debating club* (kelab diskusi) yang diadakan oleh tokoh-tokoh politik dari organisasi Persatuan Muslimin Indonesia (PERMI) diantaranya Mukhtar Lutfi, Ilyas Yacub dan Haji Rasul.⁶⁹

Selepas kembali ke Indonesia pada tahun 1938, dan mengajar di Madrasah Musthafawiyah, bersama ulama yang lain mendirikan Al-Ittihadiyatul Islamiyah (AII).⁷⁰ Kemudian, organisasi ini padukan ke dalam Jami'yyah Nahdatul Ulama⁷¹ pada tahun 1947. Setelah pindah dan menetap di kampung Hutabaringin, SAHAA dipilih sebagai

⁶⁶ *Ibid.*, 16

⁶⁷ *Ibid.*, 17

⁶⁸ Pada masa itu, H. Ismail Banda (ketua al-Washliyah periode pertama) berangkat ke Makkah bagi meneruskan pengajiannya. Disana pula ia sempat mendirikan Cawangan Al-Washliyah yang pertama di luar Negara dan bertindak sebagai pengerusinya. Lihat Pengurus Besar Al-Jam'iyah al-Washliyah, *Al-Jam'iyah al-Washliyah ¼ Abad*. (Medan: Pengurus Besar Al-Washliyah, 1955), 53

⁶⁹ Salmawati Hasibuan dan Mahfuz Budi Hasibuan, *Syeikh Ali Hasan Ahmad*, 17

⁷⁰ Sjech Ali Hasan Ahmad, *Bingkisan* (Padangsidempuan: t.p., 1986), 36. Lihat H. Sulaiman Fadeli dan Muhammad Subhan, *Antologi NU* (Surabaya: Khalista, 2010), 263

⁷¹ Seterusnya akan disingkat menjadi NU.

ketua majelis wakil cabang (MWC) NU kecamatan Siabu.⁷² Kemudian pada tahun 1950 sebagai wakil konsul (wilayah) NU Keresidenan Tapanuli berpusat di Sibolga. Konsulnya ketika itu H. Baharuddin Thalib Lubis, sekretaris I H. M. Nuddin Lubis dan sekretaris II Aminuddin Azis. Pelantikan kepengurusan NU daerah Tapanuli ini dilaksanakan di Padang Sidempuan yang dihadiri Pengurus Besar Nahdatul Ulama (PBNU) ketika itu seperti, K.H. Masykur, K.H. Syaifuddin Zuhri, dan H. Zainul Arifin. SAHAA juga ikut serta menghadiri Kongres NU pertama di Jakarta yang dilaksanakan pada tahun 1950.⁷³

Setelah pindah ke Padang Sidempuan pada tahun 1954, usaha pengembangan NU tetap dilakukan dengan rancaknya. Ia diamanahkan sebagai naib *rois syuriah* sejak tahun 1955 sampai tahun 1982. Kemudian dipercayakan memangku jawatan *rois syuriah* Tapanuli Selatan hingga tahun 1984. Pada 1 februari 1984, dengan SK PBNU No.3220/A-II/04/II/1984, SAHAA disertai pula amanah sebagai *rois syuriah* NU Sumatera Utara.⁷⁴

SAHAA sangat aktif dalam mengikuti aktiviti organisasi NU bahkan pada peringkat nasional/kebangsaan. Diantara aktiviti yang dihidirinya adalah Kongres I pada tahun 1950 dan Konferensi Besar pada tahun 1975 di Jakarta. Mukhtar ke 26 pada tahun 1979 di Semarang, Musyawarah Nasional (MUNAS) di Situbondo, Jawa Timur pada tahun 1983, dan yang terakhir menghadiri Mukhtar ke 27 pada bulan Desember tahun 1984 yang ditandai dengan semangat kembalinya organisasi ini ke Khittah '26. Pada kesempatan ini SAHAA diberi kehormatan dari para *mukhtamirin* (peserta mukhtar) untuk duduk sebagai salah seorang '*Ahlul Halli wal'Aqdi*' yang sekaligus menjadi tim formatur (perumusan kepengurusan). *Ahlul Halli Wal'aqdi* inilah yang berhak menyusun kepengurusan Pengurus Besar NU periode 1984-1989. Mereka

⁷² Majelis Wakil Cabang (MWC) adalah pengurusan cawangan pada tingkat kecamatan. Lihat Ir. KH. Salahuddin Wahid *Buku Pintar Warga NU* (Jombang: Ponpes Tebuireng 2010), 55

⁷³ Salmawati Hasibuan dan Mahfuz Budi Hasibuan, *Syeikh Ali Hasan Ahmad*, 17-18

⁷⁴ *Ibid.*, 19

adalah: K.H. Raden As'ad Syamsul Arifin, K.H. Ali Maksum, K.H. Masykur, K.H. Syamsury, Shaykh Ali Hasan Ahmad, K.H. Romli, K.H. Rofi'i Mahmud.⁷⁵

3.13. Keterlibatan Dalam Politik

Dalam organisasi politik, SAHAA pertama sekali berkecimpung dalam Partai Masyumi cawangan Panyabungan sejak memegang jawatan ketua NU sampai tahun 1952. Pada tahun 1952 sampai 1957 beliau aktif dalam partai NU. Sejak NU dipadukan ke Partai Persatuan Pembangunan (PPP)⁷⁶ tahun 1973, SAHAA tidak lagi melibatkan dirinya ke dalam aktiviti politik praktis. Beliau tidak pernah menjadi ahli PPP, begitu juga Golongan Karya (GOLKAR)⁷⁷ mahupun Partai Demokrasi Indonesia (PDI)⁷⁸, tetapi tetap aktif dalam membina NU sebagai organisasi sosial keagamaan dan kemasyarakatan.⁷⁹

3.14. Berkhidmat Dalam Bidang Pendidikan

SAHAA adalah tokoh yang sangat berjasa dalam bidang pendidikan di Sumatera Utara, khususnya di Tapanuli Selatan. Beliau telah banyak mendirikan institusi pendidikan mulai peringkat asas hingga pengajian tinggi dan masih wujud lagi sampai sekarang. Sehingga sangat wajar jika ketokohnya lebih terserlah dan dikenal dalam bidang berkenaan. Karakternya sebagai pendidik, tidak dapat diragukan lagi. Hampir pada semua tempat yang pernah ditinggalinya, ia mengajar dan mendirikan sekolah/madrasah.⁸⁰

⁷⁵ *Ibid.*, 19-20

⁷⁶ Parti ini terdiri dari parti-parti Islam berikut: a). Parti Nahdatul Ulama (NU), b) Parti Sarekat Islam Indonesia (PSII), c) Pergerakan Tarbiyah Islamiyah (PERTI), dan d) Parti Muslimin Indonesia (PMI). Wan Ahmad, *Sejarah Islam Indonesia di Indonesia* (Petaling Jaya: Jiwamas Printers Sdn. Bhd., 1989), 93

⁷⁷ Parti ini diasaskan oleh tentara dan pemerintah pada zaman Suharto. *Ibid.*, 92

⁷⁸ Parti Demokrasi Indonesia (PDI), terdiri dari: a). Parti Nasional Indonesia (PNI), b). Parti Katolik, c). Parti Kristian Indonesia, d). Parti Murba, e). Ikatan Pendukung Kemerdekaan Indonesia (IPKI). Lihat . *Ibid.*, 93

⁷⁹ Salmawati Hasibuan dan Mahfuz Budi Hasibuan, *Syeikh Ali Hasan Ahmad*, 19

⁸⁰ Pernyataan ini ditegaskan oleh Ali Husein Ahmad, Saudara sepapa SAHAA, dari Istri Shaykh Ahmad Zein yang ketiga. Orang terdekatnya ini juga menjelaskan betapa karakter SAHAA sebagai ulama dan pembaharu yang sangat hebat, tegas dan berani. Narasumber juga terkenang betapa Almarhum adalah seorang ulat buku. Diamanapun ia berada, selalu membaca buku. Sehingga disetiap cabang ilmu dia

Demikian pula dalam penulisan dan penerbitan, beliau juga telah memberikan upaya yang terbaik dalam menyediakan buku daras (buku pelajaran) bagi para pelajar. Dengan segala keterbatasan yang ada, beliau berusaha dengan segala upayanya dalam mendidik dan mencerdaskan bangsa. Justeru ia telah banyak menulis dan menerbitkan karyanya untuk dipakai sebagai buku daras, dari peringkat sekolah dan madrasah sehingga pengajian tinggi ia tulis dan terbitkan sendiri. Kontribusinya dalam bidang ini memang sukar untuk dicari ganti.⁸¹ Dalam konsepnya pula, ia sangat tidak bersetuju dengan sistem pendidikan sekuler yang memisahkan pelajaran agama dan pelajaran umum. Justeru keduanya mesti seiring dan sejalan. Umat Islam tidak akan maju kalau tidak dapat menguasai keduanya.

3.15. Kepribadian Shaykh Ali Hasan Ahmad dan Pemikirannya

Sebagai seorang tokoh masyarakat, SAHAA adalah individu yang sangat peduli terhadap agama dan umatnya. Dia bukan hanya seorang pegawai kerajaan yang hanya sibuk dengan urusan di pejabatnya sehingga lupa terhadap masyarakat dan bangsanya. Bukan pula seorang ulama yang sibuk berdakwah dan tidak peduli dengan perkembangan dunia yang semakin mencabar. Pandangannya terhadap agama yang universal (*syumul*) membuatnya berperan dalam segala bidang. Dia selalu hadir di tengah-tengah masyarakat untuk memberikan solusi terhadap isu-isu berbangkit.⁸² Jiwa pekerakannya pula membuat dirinya tidak boleh berdiam diri melihat masalah yang sedang dihadapi umat Islam.

mempunyai wawasan yang sangat luas. Wawasan inilah yang kemudian dituliskannya dalam banyak karya hampir di segala bidang. Bahkan dalam cabang ilmu umum sekalipun. Ali Husein Ahmad (Adik/saudara sebapa dan bekas setia usaha Shaykh Ali Hasan di STAIN Padang Sidempuan), temu bual dengan penulis di Pejabat STAITA, Jalan Kenanga, Padang Sidempuan, 3 Jun 2011, pukul 14.00-15.00.

⁸¹ *Ibid.*

⁸² Ini sangat jelas terlihat dalam beberapa karyanya seperti, *Problematika Dalam Islam* dan *Bingkisan*. Dari hasil pengamatan penulis, ini adalah gambaran pemikiran pembaharuannya dalam menjawab isu-isu berbangkit seperti *Bank Tanpa Bunga*, *Menyatukan Permulaan Puasa Antara Dunia Islam*, *Perkahwinan Berlainan Agama*, *Transfer Organ*, *Fungsi ulama dalam alquran dan sunnah*, *Islam dan sekularisme dan permasalahan zakat pegawai kerajaan*. Lihat Syeikh Ali Hasan Ahmad, *Problematika Dalam Islam* (Padang Sidempuan: t.p., 1978), 41 dan Syeikh Ali Hasan Ahmad, *Bingkisan* (Padang Sidempuan: t.p. 1986), 4

Dalam mempertahankan kemerdekaan Indonesia, SAHAA telah menunjukkan dirinya sebagai wira yang sejati dalam membela tanah airnya. Ia juga telah bergabung dengan pasukan *Laskar Hizbullah*⁸³ dan *al-Jihad*⁸⁴ dan ia menjadi komandernya pada tahun 1946-1949. Sekolah yang ia bina berdekatan tempat tinggalnya dijadikan markaz untuk pasukan ini.

Menerusi karya-karyanya,⁸⁵ dapat pula dijejaki, bahwa SAHAA adalah pengikut salah satu tarekat sufi. Ini juga merupakan sesuatu yang agak istimewa. Dikatakan istimewa disebabkan, jarang didapati tokoh hadith sekaligus juga sebagai tokoh yang aktif di bidang tarekat.

3.16. Gerakan Pembaharuan Shaykh Ali Hasan Ahmad

Dalam pandangan SAHAA, agama Islam yang mulia berserta umatnya sebagai umat yang terbaik adalah suatu keniscayaan. Ia bukan hanya slogan yang diwar-warkan, justeru musti dibuktikan dalam bentuk realita kehidupan. Idea-idea pembaharuan semacam ini amat ketara dalam setiap gerak-geriknya. Menerusi karya-karyanya, sama ada dalam bentuk buku, tulisan di media, mahupun kertas-kertas kerja dalam seminar selalu ia disampaikan.

Adapun diantara gerakan-gerakan pembaharuan yang secara langsung dan berhasil dilakukannya dalam bentuk nyata ialah mendirikan Radio Amatir 1 Padang Sidempuan yang bernama RANIPER pada tahun 1963. Ditambah lagi dengan

⁸³ Laskar Hizbullah-Sabilillah didirikan K. H. Masykur, dimana pada saat itu, beliau berpendapat bahawa sangat diperlukan sekali menghimpun dan mengumpulkan tenaga-tenaga muda militan untuk mempertahankan Proklamasi Kemerdekaan Indonesia pada tahun 1945. Kemudian pasukan ini membentuk cawangan-cawangan di seluruh Indonesia. Pada tingkat pusat, dipimpin oleh K. H. Masykur dan K.H. Zainul arifin. Lihat Salmawati Hasibuan dan Mahfuz Budi Hasibuan, *Syekh Ali Hasan Ahmad*, 21, lihat juga Ario Helmy, Biografi KH Zainul Arifin, "Berdzikir Menyiasati Angin," dicapai 1 jun 2012, <http://khzainularifin.blogspot.com/2011/01/rencana-pembangunan-monumen-laskar.html>, dan Masjid Jami, "Profil K.H. Masykur," dicapai 1 jun 2012, <http://masjidjami.com/profile-kyai/kh-masykur.html>.

⁸⁴ Laskar al-Jihad didirikan di Panyabungan untuk membendung aksi-aksi dan aktiviti Belanda yang sudah dekat dengan Panyabungan di suatu daerah bernama Sayur Matinggi. Salmawati Hasibuan dan Mahfuz Budi Hasibuan, *Syekh Ali Hasan Ahmad*, 21

⁸⁵ Karya-karya di bidang ini ialah *Tuntunan Berzikir* (1978), *Do'a Syurga* (1985) 4, *Al-Hizb Al-Mustafawiy* (1987) 7, *Kaifiyyah membaca surah yasin 41 (tt)*, *Kaifiyyah yasin 7* (1991), dan *Tariqah Khidr Alaihissalam* (1992).

pembinaan hospital (Rumah Sakit Islam Padang Sidempuan) pada tahun 1964.⁸⁶ Begitu juga penguatkuasaan pengeluaran zakat bagi pegawai kerajaan pada tiap-tiap bulannya yang mana pada masa itu masih dianggap pelik. Sedangkan dalam bidang pendidikan, ia mewajibkan seluruh pensyarah untuk mempelajari bahasa Inggeris.⁸⁷ Ini demi menghadapi tantangan dimasa hadapan yang semakin mencabar.

Adapun idea pembaharuan yang disampaikan melalui media ialah, tulisan-tulisannya di pelbagai media yang sedia ada. Seperti cadangannya dalam sistem perbankan yang mengamalkan riba. Dalam beberapa tulisannya, ia menyatakan perlunya umat Islam memiliki sistem perbankan yang sesuai dengan shari'ah Islam (tidak mengamalkan riba). Begitu juga pandangannya tentang mempersatukan waktu permulaan puasa antara dunia Islam dan masih banyak lagi.⁸⁸

Tidak ketinggalan pula ia menyampaikan idea pembaharuannya dalam seminar-seminar dan muktamar-muktamar di peringkat kebangsaan. Dalam penyampainnya, ia juga dikenal sangat tegas dan tidak merasa takut. Dia menyampaikan kebenaran apa adanya seperti yang diyakini. Dalam hal ini, tiga kertas kerja yang di sumbangkannya dapat mewakili usaha gerakan pembaharuannya di bidang ini. Ketiga-tiganya di tulis dan disampaikan dalam bahasa arab.

Pertama, kertas kerja bertajuk *Al-Mabādi' al-khamsah fi Daw al-Islām* yang dibentangkannya pada muktamar Nahdatul Ulama peringkat kebangsaan di Situbondo, Jawa Timur. Pada muktamar yang diadakan pada 18-21 disember 1983 ini, dengan tegas ia menyampaikan kedudukan pancasila sebagai dasar negara Indonesia dalam pandangan Islam. Dalam kesimpulannya, ia menyatakan “kalau ia tidak bertentangan

⁸⁶ Fachruddin Hasibuan, *Riwayat Hidup Prof. Syekh Ali Hasan Ahmad Addary*, 4. Menurut penuturan anaknya, beliau merasa sangat perlu adanya identiti Islam di jabatan kesihatan awam itu. Mahfuz Budi Hasibuan, anak kandung Shaykh Ali Hasan Ahmad dan pengarah STAITA. Temu ramah di rumah beliau di Kota Padang Sidempuan, 2 Juni 2011.

⁸⁷ Mahabat Siregar, Pensyarah STAITA dan STAIN Padang Sidempuan, temu bual dengan penulis di Masjid Taqwa Padang Sidempuan, pada hari Sabtu, 4 Jun 2011

⁸⁸ Sebagai contoh, lihat Syekh Ali Hasan Ahmad, *Problematika Dalam Islam* (Padang Sidempuan: t.p., 1978), 41 dan Syekh Ali Hasan Ahmad, *Bingkisan* (Padang Sidempuan: t.p. 1986), 4

dengan akidah, maka selayaknya kita berpegang teguh kepadanya. Namun apabila bertentangan, maka sepatutnya pula kita meninggalkannya, kerana ianya adalah taghut yang wajib kita mengingkarinya.”⁸⁹

Kedua, Al-Islām Lā Yazālu musta'maran fi Akthar al-duwal al-Mu'āsirah.

Karya ini dibentangkan pada salah satu seminar Majelis Ulama Indonesia Sumatera Utara di Medan pada 16-18 Januari 1984. Isi penting yang disampaikan pada kesempatan ini adalah, kenyataannya bahawa pada hakikatnya umat Islam belum lagi merdeka apabila segala kehidupannya tidak berpandukan shari'ah Islam. Menurutya tidak ada perbezaan zaman penjajahan dan zaman kemerdekaan jika shari'ah Islam belum ditegakkan.⁹⁰

Ketiga, kertas kerja yang disampaikan pada muktamar peringkat kebangsaan Majelis Ulama Indonesia di Jakarta pada 20-23 July 1985. Dalam kertas kerja bertajuk *al-Muslimūn Duyūfun fi Diyārihim* ini, penulisnya menyampaikan kemunduran dan kemerdekaan hakiki yang belum dirasakan oleh umat Islam di Indonesia. Pada kesempatan ini, beliau menunjukkan sifat seorang pemimpin Islam yang bercita-cita dalam mengislamkan masyarakat dalam erti yang sebenarnya. Iaitu Islam dari sudut ekonomi, politik, pendidikan, kebudayaan dan sebagainya.

Shaykh Ali Hasan juga meminta kepada kerajaan menerusi kementerian berkenaan untuk memberikan solusi terbaik dalam menangani masalah yang sedang dihadapi. Diantara solusi yang ditawarkan melalui kementerian kewangan ialah; perlunya membina perbankan berasaskan Islam. Kerana sudah banyak negara-negara Islam menerajuinya demi mengurangkan bencana yang telah menimpa umat Islam disebabkan pengamalan riba.⁹¹ Menerusi kementerian kehakiman/hukum pula ia menawarkan,

⁸⁹ Syeikh Ali Hasan Ahmad, “Al-Mabādi’ al-Khamsah fi Daw’ al-Islām” (makalah, Musyawarah Nasional Nahdatul Ulama, Situbondo Jawa Timur, 18-21 disember 1983), 14.

⁹⁰ Syeikh Ali Hasan Ahmad *Al-Islām Lā Yazālu musta'maran fi Akthar al-duwal al-Mu'āsirah* (Padang Sidempuan: Majelis Ulama Tapanuli Selatan, 1984) 6-7

⁹¹ Syeikah Ali Hasan Ahmad, *Al-Muslimūn Duyūfun fi Diyārihim* (Padang Sidempuan: Majelis Ulama Tapanuli Selatan, 1985), 4

perlunya memasukkan hukum-hukum Islam dalam penyelesaian undang-undang sama ada hukum civil ataupun jenayah.⁹²

Adapun cadangannya dalam bidang pendidikan menerusi kementerian pengajaran ialah: a). pengajaran bahasa arab kepada seluruh pelajar di sekolah-sekolah kerajaan, b). pemilihan guru besar dari kalangan orang Islam di daerah-daerah masyarakat muslim, c). pemisahan antara pelajar lelaki dan perempuan pada setiap aktiviti sukan, d). kewajiban memakai pakaian Islami bagi pelajar perempuan pada setiap aktiviti sukan dan renang, e). penguatkuasaan dari kementerian pengajaran dalam kebebasan berpakaian Islami pada sekolah rendah dan menengah beserta penyebarannya kepada semua guru-guru besar sekolah kebangsaan dan swasta.⁹³

Kepada kementerian agama pula ia meminta; a). Membina kuliah ulama pada universiti Islam kerajaan yang hanya mengajarkan ilmu agama sahaja untuk mengisi kekosongan ulama, b) pengambilan keputusan dalam mahkamah syari'ah berpandukan pada mazhab al-syafi'i, c) menjadikan hari jumu'ah sebagai hari cuti pada hari sekolah-sekolah Islam yang di bawah kementerian agama, d) mewajibkan kitab-kitab agama dalam bahasa arab pada setiap peringkat sekolah yang di bawah kementerian agama.⁹⁴

Kepada kementerian penerangan pula ia menawarkan; a) mengadakan program pengajaran bahasa arab pada saluran televisen dan lain-lain, b) membuka acara pagi dan petang dengan pembacaan al-quran, c) mengadakan penyiaran Islam selepas salat asar setiap hari demi menyambut keingingan dan minat masyarakat.⁹⁵

Dari huraian diatas dapat dilihat usaha pembaharuan yang diperjuangkan oleh Shaykh Ali Hasan dalam melaksanakan kehidupan umat berpandukan shari'ah Islam. Ianya telah dilakukan dengan berani dan pastinya dari hasil pemikiran yang matang. Walaupun hanya sebahagian yang dapat direalisasikan dengan baik.

⁹² *Ibid.*, 5

⁹³ *Ibid.*, 5-6

⁹⁴ *Ibid.*, 6

⁹⁵ *Ibid.*, 6-7

3.17. Karya-karya yang dihasilkan

SAHAA adalah salah seorang tokoh pembaharu yang sangat produktif dalam menulis. Penguasaannya terhadap ilmu-ilmu Islam dapat dibuktikan dengan hasil karya yang ditulisnya meliputi pelbagai disiplin ilmu. Sebahagian besar karya ini menjadi buku dasar di sekolah dan universiti yang dia bina dan tempatnya mengajar. Justeru sebahagian besar karyanya ini dicetak dan diterbitkan sendiri. Dari sisi bahasa penulisan karya-karyanya terdapat dalam tiga kategori. *Pertama*, karya dalam bahasa Indonesia huruf rumi. Ini adalah yang paling banyak. *Kedua*, dalam bahasa Indonesia huruf Jawi. *Ketiga*, dalam bahasa Arab. Sama ada yang diterbitkan dan belum diterbitkan. Dibawah ini akan disenaraikan karya-karya dan terbitannya yang dihasilkan oleh SAHAA semasa hidupnya. Dikategorikan berdasarkan bidang penulisannya.

3.17.1. Bidang Fikih Usul Fikih

1. *Arkān al- Islām* (1967), Mahfuz Budi, Padang Sidempuan
2. *Bunga Deposito Dalam Islam* (1972), Al-Ma'arif, Bandung
3. *Problematika dalam Islam* (1978), UNUSU, Padang Sidempuan
4. *Cahaya Kubur* (1978), Mahfuz Budi, Padang Sidempuan
5. *Permasalahan Tabungan Susu Dalam Fiqih Islam* (1979), Mahfuz Budi, Padang Sidempuan
6. *Seluk Beluk Puasa*⁹⁶ (1983), al-Ikhlas, Surabaya
7. *Bingkisan* (1986), t.p.
8. *Tajdid Ahlussunnah Waljamaah* (1988), Mahfuz Budi, Padang Sidempuan
9. *Kaedah Hukum Fikih* (1995), Pustaka Ilmi, Malaysia
10. *Amthilah Kulli Mas'alah 'alā Al-Tuhfah al-Thaniyyah* (t.t.) Mahfuz Budi, Padang Sidempuan

⁹⁶ Terbitan Malaysia *Puasa Zakat Fitrah dan Salat Aidil Fitri* (1990), Pustaka Al-Mizan, Kuala Lumpur

3.17.2. Bidang Ilmu Tafsir

1. *Perbendaharaan Ilmu Tafsir* (tt) Mahfuz Budi, Padang Sidempuan
2. *Tafsir Mutiara al-Quran* (1966), Mahfuz Budi, Padang Sidempuan
3. *Al-Kaukab al-Munir 'alā Naẓm Uṣūl al-Tafsir* (1972), Mahfuz Budi, Padang Sidempuan
4. *Fiqh al-Qurān* (1977), Mahfuz Budi, Padang Sidempuan

3.17.3. Bidang Bahasa Arab

1. *Metodik Khusus Bahasa Arab* (1974), Mahfuz Budi, Padang Sidempuan
2. *Al-Muḥādathah Al-'Asriyyah* 3 Jilid (t.t), Mahfuz Budi, Padang Sidempuan

3.17.4. Bidang Aqidah dan Akhlaq

1. *Arkān al-Imān* (1964), Mahfuz Budi, Padang Sidempuan
2. *Makārim al-Akhlāq* (1969), Mahfuz Budi, Padang Sidempuan

2.17.5. Bidang Taṣawwuf

1. *Tuntunan Berzikir* (1978), Mahfuz Budi, Padang Sidempuan
2. *Do'a Syurga* (1985), Majelis Ulama Indonesia, Tapanuli Selatan
3. *Al-Hizb Al-Mustafawiy* (1987) t.p.
4. *Kaifiyyah membaca surah yasin 41* (tt), Mahfuz Budi, Padang Sidempuan
5. *Kaifiyyah yasin tujuh* (1991), t.p.
6. *Tariqah Khidr 'Alaih al-salām* (1992), t.p.

2.17.6. Hadith dan Ilmu Hadith⁹⁷

⁹⁷ Ada sebuah karya yang gagal di kesan iaitu, *Pokok-pokok Musthalah Hadith* yang diterbitkan oleh penerbit Islamiyah. Namun buah fikiran SAHAA dalam karya ini sebahagian besarnya sudah dicurahkan pada karyanya yang bertajuk *Ilmu Hadith Praktis*.

1. Ilmu Hadis Praktis (1980) Al-Ma'arif, Bandung
2. *Al-Ikmāl fī Marātib al-Rijāl* (1977), Mahfuz Budi, Padang Sidempuan
3. *Al-Fawā'id al-Mihām fī Aḥādīth al-Aḥkām min bulūgl al-Marām* (1978), Mahfuz Budi, Padang Sidempuan
4. *Bughyah al-Ṭalabah fī Tarājim Muḥaddithī al-Ṣaḥābah* (t.t.), Mahfuz Budi, Padang Sidempuan
5. *Namādhidh al-Kutub al-Sittah* (1978), Mahfuz Budi, Padang Sidempuan
6. *Hadith 20* jilid 1 (1964), Mahfuz Budi, Padang Sidempuan.
7. *Hadith 20* jilid 2 (1966), Mahfuz Budi, Padang Sidempuan
8. *Aḥādīth al-Fiqhiyyah Qism al-Mu'āmalāt* (1980), Mahfuz Budi, Padang Sidempuan
9. *Aḥādīth Fiqhiyyah Qism al-Munākahāt* ⁹⁸(1980), Mahfuz Budi, Padang Sidempuan
10. *Aḥādīth al-Aḥkām: Qism al-Zakāh wa al-Sawm, wa al-Ḥajj* (t.t.), Mahfuz Budi, Padang Sidempuan
11. *Aḥādīth al-Aḥkām: Qism al-jināyāt wa al-Ḥudūd* (1978), Mahfuz Budi, Padang Sidempuan
12. *Aḥādīth al-Aḥkām: Qism al-Mawārith wa al-Waṣāyā* (1978), Mahfuz Budi, Padang Sidempuan
13. *Hadith-hadith Hukum Bahagian Mu'amalat* (1996), Perniagaan Jahabersa Johor

⁹⁸ Diterjemahkan sendiri oleh Shaykh Ali Hasan ke Bahasa Indonesia dan diterbitkan pada penerbit yang sama pada tahun 1989 dengan judul *Hadith Fiqhiyyah Bahagian Munakahat*. Adapun terbitan Malaysia bertukar tajuk menjadi *Munakahat: Membahas Soal-soal Perkawinan dan Rumah Tangga*, (1992), penerbit Kinta, diedit dan alih bahasa oleh Muhammad Sofwan Amrullah. (tt). Manakala karya dalam bahasa arab gagal dikesan. Pada bahagian empat kajian ini, penulis hanya menghuraikan karya dalam bahasa Indonesia yang terbit pada tahun 1989.

Selain buku-buku tersebut, Shaykh Ali Hasan juga sangat aktif dalam membentangkan kertas kerja seperti dalam muktamar Majelis Ulama Indonesia (MUI) dan Nahdatul Ulama (NU). Diantara kertas kerja yang pernah dibentangkan adalah:

1. *Al-Mabādi' al-Khamsah fī Ḍau' al-Islām* (Pancasila dalam Pandangan Islam) dibentangkan pada Mesywarat Nasional NU di Situbondo, Jawa Timur 18-21 Disember 1983
2. *Al-Islām Lā Yazālu musta'maran fī Akthar al-duwal al-Mu'āsirah* (Islam masih lagi dijajah pada kebanyakan Negara-negara moden) dibentangkan pada seminar Majelis Ulama Indonesia (MUI) Sumatera Utara pada 16-18 Januari 1984
3. *Al-Muslimūn Duyūfun fī Diyārihim* (Umat Islam: Tamu di Negeri Sendiri) dibentangkan pada Muktamar ke 3 MUI pada 20-23 July 1985 di Jakarta)

Shaykh Ali Hasan juga terlibat dalam penulisan di beberapa jurnal/bulletin seperti *al-Miqat*, *Gema Tarbiyah* dan *Al-Fatwa* yang mana ketiga-tiganya diterbitkan IAIN Sumatera Utara dan UNUSU Padang Sidempuan. SAHAA juga menulis pada buletin *Siala Sampagul* yang diterbitkan pemerintah daerah Tapanuli Selatan. Masih banyak lagi karyanya yang belum dapat penulis jumpai sehingga tidak dapat diperkenalkan secara lengkap. Justeru kerana kurangnya maklumat, penulis tidak dapat mengenal pasti secara keseluruhan dalam bidang apa karya-karya berkenaan ditulis. Diantara karya yang belum dijumpai itu pula masih ada yang belum diterbitkan. Di bawah ini adalah sanarai tajuk-tajuk karya tersebut.

No	Judul	Penerbit
1	Pembatasan Kelahiran	Al-Ma'arif
2	Bayi Tabung Dalam Islam	Karya Anda

3	Pertukaran Kelamin	Karya Anda
4	Berkhalwat Dalam Islam	Mahfuz Budi
5	Problematika Minuman Keras	Al-Ma'arif
6	Islam dan Politik	Mahfuz Budi
7	Study Warisan Wanita Dalam Islam	Mahfuz Budi
8	Pokok-pokok Musthalah Hadith	Islamiyah
9	Talkin Ahlussunnah	Mahfuz Budi
10	Mizan Tazkir As-Sahih	Mahfuz Budi
11	Shalat Antar Mazhab	Mahfuz Budi
12	Kemerdekaan Beragama	Belum diterbitkan
13	Doktrin Ahlussunnah	Belum diterbitkan
14	Filsafat Islam	Belum diterbitkan
15	Kemungkinan Berlakunya Syari'at Agama Islam di Indonesia	Belum diterbitkan

3.18. Kewafatan

Tidak ada khabar yang menggemparkan tentang pemergian tokoh dan ulama besar ini. Menurut Ali Husen, kepergian SAHAA dimulai dengan sakit demam biasa. Setelah melihat penyakitnya tidak kunjung membaik, sebahagian besar keluarga bersepakat membawanya ke Medan untuk berobat atas permintaan dari SAHAA.⁹⁹

SAHAA berangkat menuju Medan disertai anaknya Mahfuz Budi dan keluarga yang lain. Namun, Allah memanggil Almarhum ketika sudah empat hari berada di hospital (Rumah Sakit Haji Medan), iaitu pada 26 haribulan Jun 1998 M/1 Rabī' al-

⁹⁹ Ali Husein Ahmad (Saudara sebapa dan bekas setia usaha SAHAA di STAIN Sidempuan), temu bual dengan penulis di Pejabat STAITA, Jalan Kenanga, Padang Sidempuan, 3 Jun 2011, pukul 14.00-15.00

Awwal 1419 H. Setelah meninggal, jenazahnya dibawa ke kampung halamannya dan di makamkan di kampung Hutabaringin, Panyabungan.¹⁰⁰ Adiknya Ali Husein Ahmad memandikan Jenazah beliau bersama anak kandungnya, Mahfuz Budi Hasibuan. Semoga Allah mencucuri rahmat-Nya keatas Allahyarham.

3.19. Kesimpulan

Kembara Shaikh Ali Hasan dalam menuntut ilmu sehingga ke Makkah menunjukkan kecintaan yang tinggi kepada ilmu. Berguru pada ulama-ulama hebat pada masanya telah mewarnai cara hidup dan perjuangannya. Selama lebih kurang sepuluh tahun bersama para ulama di negeri yang penuh barakah, ia pun kembali mencurahkan ilmu kepada anak bangsanya untuk menyebarkan ilmu yang mulia.

Ketokohan Shaykh Ali Hasan dalam membangun umat Islam khususnya di Sumatera Utara sangat besar. Justeru sumbangan yang begitu besar, sewajarnya mendapat perhatian dan penghargaan selayaknya. Hidupnya dipenuhi dengan perjuangan yang tidak kenal kata menyerah. Aktivitinya diberbagai organisasi, menunjukkan kepeduliannya terhadap nasib umat Islam ketika itu. Pemikiran pembaharuannya pula, selalu dinantikan dalam merungkaikan permasalahan dan isu-isu berbangkit yang sedang dihadapi. Keterlibatan Shaykh Ali Hasan dalam membina masyarakat akan tetap dikenang sepanjang masa. Dia dikenal sebagai tokoh yang sangat berjasa dalam membangun umat. Hampir setiap peluang yang berkenaan dalam mengangkat derajat Islam dan umat ini ditempuhnya.

Dalam bidang pendidikan dan pembangunan insan pula, tokoh ini sangat berjasa dan penuh bakti yang tidak boleh dilupakan. Menerusi pembinaan madrasah, sekolah, universiti, majlis taklim dan kelas pengajian sebagai bukti kepeduliannya dalam membangun umat. Ditambah lagi dengan karya-karyanya yang sangat banyak dan

¹⁰⁰ *Ibid.*, Lihat juga Basyral Hamidy Harahap, *Madinda Yang Madani*, 310-311

sebahagian besarnya diterbitkan sendiri. Karya-karya ini beliau sediakan bagi semua golongan masyarakat. Sama ada untuk pelajar sekolah/madrasah, penuntut di universiti, sehingga orang awam sekalipun ia sediakan.

Kepakarannya dalam bidang hadith dapat diketahui menerusi karya-karya yang dihasilkan. Sekurang-kurangnya ada tiga belas buah karya yang ditulis dan dapat dijumpai dalam bidang ini. Walaupun sebahagiannya adalah dalam bentuk yang kecil dan sebahagian pula adalah dari hasil pengumpulan dan penyusunan semula, ini adalah satu usaha yang layak diberikan penghargaan memandangkan pengajian hadith masih dalam keadaan yang agak terbelakang pada masa itu. Bagaimanapun juga, karya-karya berkenaan telah banyak mengisi kekosongan khazanah dalam pengajian hadith. Untuk mengetahui lebih jelas karya-karya berkenaan, akan disenaraikan dan diulas pada bahagian empat kajian ini. *Wabillahi al-Tawfiq.*[]